

MA PINTAR KARANGAN MERLANG

ulkiifi Mohd Top



PENDIDIKAN MELALUI PENULISAN

Judul : *Buku Petua Pintar Karangan Cemerlang*
Penulis : Zulkiifi Mohd Top
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka (2017)
Harga : RM 18.00
Pengantar : Siti Nur Halimah Othman Bolak

h karangan pada peringkat
gah atas sewajarnya berfokuskan
aya bahasa dan pengolahan yang
y dalam kalangan murid. Hal ini
ikian kerana murid pada usia 16
n mempunyai kekuatan untuk
i remaja yang sarat dengan
aru dan berkesan. Guru juga
mber rujukan sampingan untuk
ilmu penulisan yang tersusun dan
pengajaran penulisan karangan di

Pintar Karangan Cemerlang
k mengembangkan buah fikiran,
t, maklum balas dan perbincangan
an pada peringkat sekolah
hususnya kepada murid yang akan
eriksaan Sijil Pelajaran Malaysia
ngan dengan itu, keupayaan

murid untuk menjana idea yang bernas, di samping
berhujah dalam pelbagai bentuk penulisan, tidak
kira penulisan berformat mahupun tidak turut
dibincangkan dalam buku ini.

Buku ini mengandungi sebelas bab
keseluruhannya, dan penuh dengan kaedah
kemahiran mengarang yang lebih berwibawa dan
matang. Dalam buku ini pengarang juga mengguna
pakai "Model 5S" yang merupakan satu strategi
mudah bagi merangsang pemikiran murid ke arah
pemikiran yang lebih mantap dan tersusun. Malahan,
murid dalam kategori sederhana dan agak lemah
dalam penulisan karangan mampu menjanakan
corak pemikiran yang dinamis. Selain itu, murid juga
bolehlah menggunakan "Model 1T 5S". Model ini
digunakan sebagai strategi untuk mengembangkan
elemen pendahuluan, isi dan penutup karangan.

Dalam bab bertajuk "Penilaian" dipaparkan
karangan yang cemerlang dinilai dari aspek bahasa,

Buku Petua Pintar
Karangan dihasilkan untuk
mengembangkan buah fikiran,
idea, maklumat, maklum
balas, dan berbincang tentang
penulisan pada peringkat
sekolah menengah, khususnya
kepada murid yang akan
menduduki peperiksaan Sijil
Pelajaran Malaysia (SPM).

laras, idea, pengolahan isi dan gaya bahasa. Guru
menilai karangan murid berasaskan lima perkara ini.
Murid hendaklah menggunakan ayat yang gramatis,
iaitu ayat-ayat yang mengikut hukum tatabahasa yang
tepat. Setiap ayat semestinya mempunyai subjek dan
predikat, dan penggunaan pelbagai jenis ayat juga
amat penting. Sehubungan dengan itu, penjelasan
tentang ciri-ciri penilaian yang dilihat oleh guru
terhadap karangan murid seharusnya diselarikan
mengikut kreativiti murid dan gaya penulisan yang
segar dan berkesan.

Dalam bab "Teknik Penulisan", pengarang
membangunkan kaedah Bunga Kembangan
Haruman yang merupakan lanjutan kepada
kepanjangan sesuatu perenggan, malah kaedah ini lebih
kepada latihan atau proses mendapatkan momentum
untuk menulis karangan. Sekiranya murid berupaya
memenuhi lajur-lajur bunga berkenaan, bolehlah
dipindahkan bentuk tersebut ke dalam perenggan
seperti biasa. Oleh itu, para guru dan murid perlu
memiliki buku ini untuk menjadi rujukan tambahan bagi

penulisan karangan yang cemerlang.

Namun begitu, tidak semua murid mempunyai
kemahiran mengarang yang sama. Perkara ini
disebabkan oleh pelbagai faktor dan penyebab,
misalnya masalah pembelajaran, keciciran dan
kurangnya minat untuk menulis karangan sejak kecil.
Apatah lagi, sekiranya murid kurang memahami tujuan
sebenar peperiksaan penulisan tersebut. Keadaan ini
lama-kelamaan menjadi bebanan bukan sahaja kepada
guru, bahkan kepada murid juga. Ibarat kudis menjadi
tokak, keadaan yang lemah akhirnya membentuk
pemikiran yang negatif.

Daripada perkara yang diperkatakan, guru Bahasa
Melayu akan memperoleh ilmu pengetahuan tentang
kaedah mengajar penulisan karangan yang sistematik.
Pendedahan dan ilmu pengetahuan tersebut akan
memberikan kesedaran kepada guru tentang peri
pentingnya penggunaan kaedah pengajaran yang
sesuai dalam pengajaran penulisan karangan, dan
seterusnya akan membantu pelajar menulis karangan
dengan lebih baik.

Sebagai kesimpulannya, dalam Sukatan Pelajaran
Bahasa Melayu Sekolah Menengah ada menyatakan
bahawa kurikulum Bahasa Melayu merangkumi
tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu bidang
interpersonal, bidang maklumat dan bidang estetik.
Penumpuan pada bidang-bidang ini membolehkan
guru dan murid menggunakan bahasa Melayu secara
berkesan dalam kehidupan harian, bidang pekerjaan
dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur
hidup. Kemahiran menulis karangan pula dapat
menunjukkan idea dan hujah mereka. Perkara ini
memberikan ruang dan peluang untuk guru dan murid
membina keyakinan diri dalam bidang penulisan
karangan. PB